

14/05/2000

Bukan pembangkang saja bertabiat buruk

Syed Akbar Ali

KEPUTUSAN pilihan parti Umno pada Perhimpunan Agung Umno 2000 jelas menunjukkan banyak ahli Umno tidak senang dengan cara Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada parti itu dan juga bencana yang menimpa Anwar selepas dia dipecat.

Seperti kanak-kanak yang marah terhadap ibu bapa, ramai ahli Umno mengambil kesempatan menunjukkan ketidakpuasan mereka kepada Dr Mahathir.

Oleh itu, calon yang dikenali berani membantah atau yang pernah dikenali sebagai penyokong Anwar dipilih. Calon yang boleh dikatakan penyokong Dr Mahathir tidak dipilih atau diberi kemenangan tipis.

Kemenangan Tan Sri Muhammad Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yasin sebagai Naib Presiden yang di luar jangkaan pemerhati boleh digolong dalam kategori undi protes ini juga.

Begitu juga kemenangan Datuk Seri Rafidah Aziz yang begitu tipis menjadi bukti masih ada sentimen yang tidak setuju dengan pemimpin wanita kesayangan Dr Mahathir itu. Tidak menjadi rahsia, bukan saja Datuk Dr Siti Zaharah memakai tudung tetapi beliau pernah menyokong kuat Anwar manakala Rafidah pula tidak ngam dengan Anwar Ibrahim.

Ketika perbahasan ucapan Presiden berlangsung, banyak perwakilan boo Rafidah setiap kali namanya disebut. Perkara ini berlaku berulang kali. Bukan setakat itu saja, seorang perwakilan menasihatkan Rafidah, beliau lebih cantik jika memakai tudung. Dan seterusnya wakil itu menasihati Rafidah supaya jangan bebal. Hasutan itu pula terus diiring dengan boo daripada ramai perwakilan dalam Dewan Merdeka.

Rupanya tabiat biadap tidak terhad kepada parti pembangkang (tidak kira Islam atau tidak). Orang Umno sendiri sudah mula menunjukkan perangai low class yang memalukan itu. Apakah perbuatan buruk seperti ini disebabkan sebahagian ahli Umno bersama dengan kebanyakan ahli parti pembangkang diracuni ubat yang serupa?

Walaupun perwakilan bebas untuk memilih sesiapa mereka minati, sedih juga apabila Datuk Panglima Osu Sukam tidak dapat menjadi Naib Presiden parti. Mungkin perlembagaan parti Umno perlu diubah dan jawatan Naib Presiden ditambah menjadi lima atau enam kerusi dan negeri Sabah (dan mungkin juga Sarawak pada masa depan) dijamin sekurang-kurangnya satu kerusi Naib Presiden untuk mewakili bahagian timur negara kita.

Bukan saja negeri Sabah dan Sarawak menjadi negeri yang besar dari segi keluasan, penduduk dan kedudukan mereka dalam Malaysia tetapi dengan adanya Naib Presiden Umno dari negeri itu bahagian timur dan barat Malaysia akan menjadi lebih erat. Melalui Umno rakyat Sabah (dan Sarawak) juga akan lebih berpeluang untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia kerana mengikut struktur komponen Barisan Nasional sekarang, ianya hampir mustahil untuk pemimpin Sabah dan Sarawak menjadi Perdana Menteri.

Jika Muhammad Taib dan Muhyiddin yang pernah menjadi ahli Regu Wawasan Anwar menang melalui sentimen protes dan undi bakul ia juga bermaksud mereka perlu bekerja keras untuk mempertahankan kedudukan mereka pada perhimpunan agung Umno yang akan datang. Sentimen ahli Umno boleh berubah.

Masalah sebahagian orang Melayu ialah mereka masih idolakan manusia terutama sekali orang dianggap alim seperti Anwar atau Nik Aziz. Sebenarnya ini malapetaka yang masih menimpa banyak orang Melayu dan akan terus menghantui psikologi mereka. Pakaian Arab, watak alim dan mungkin kepala yang bertudung berkeupayaan untuk membawa orang Melayu ke mana pun.

Kesalahan Dr Mahathir pula ialah beliau memecahkan idola ini atas alasan

tertentu. Nik Aziz misalnya paling mudah dikritik Dr Mahathir sebagai ulama politik yang boleh cakap berbelit. Anwar pula Dr Mahathir dapati tidak sesuai menjadi pemimpin ulung negara atas perkara peribadi beliau. Oleh yang demikian, banyak daripada masyarakat Melayu hendak menghukum Dr Mahathir. Bukan saja pilihan raya umum yang lalu menjadi medan penghukuman tetapi ketidakpuasan ini masih berlanjutan dalam Perhimpunan Agung Umno.

Keadaan Dr Mahathir tidak beza daripada cerita Nabi Ibrahim dalam al-Quran. Nabi Ibrahim mendapati kaumnya suka menyembah berhala. Pada satu hari Nabi Ibrahim berusaha memecahkan patung itu. Ini menimbulkan kemarahan masyarakat sehingga mereka cuba membakar Nabi Ibrahim hidup-hidup. Tetapi Tuhan menyelamatkan Nabi Ibrahim daripada dibakar api:

"Kami berkata, Wahai api, jadilah dingin dan keselamatan untuk Ibrahim," (21: 69).

Maka Nabi Ibrahim diselamatkan Tuhan. Apakah Dr Mahathir akan diberi perlindungan juga oleh Tuhan? Setakat ini Dr Mahathir berjaya dalam pilihan raya umum dan juga masih kekal sebagai Presiden Umno. Tetapi bolehkah keadaan ini berterusan? Apakah ia akan berlaku pada suatu masa nanti Dr Mahathir juga akan diboo perwakilan Umno dalam Perhimpunan Agung Umno. Melihat kepada perangai banyak orang Melayu dan juga ahli Umno ini bukan satu perkara mustahil.

Umno sekarang ada tempoh empat tahun sebelum ketibaan pilihan raya umum yang kesebelas. Umno tidak ada sebarang pilihan melainkan menggunakan tempoh yang paling singkat itu untuk menawan semula sokongan dan fahaman orang Melayu terutama sekali 2.8 juta ahli Umno sendiri. Tetapi perkara yang lebih penting ialah Umno mesti meningkatkan pembangunan ekonomi dan kemajuan bangsa Melayu tanpa, menunggu balas kasihan 100% daripada orang Melayu.

Pilihan Umno pula akan menjelma pada 2003. Dalam tempoh ini juga Umno perlu exorcise atau menghalau segala hantu dan puaka yang masih merasuk parti itu.

Cara yang paling baik untuk menghalau hantu dan puaka ialah menekankan kebenaran. Bercakap benar direstui Allah dan lazimnya akan mendapat perlindungan-Nya. Tiada hantu atau puaka yang lebih besar daripada Allah. Jangan kita lupa kebenaran ini juga.

Umno juga terus berusaha untuk memecahkan idola dan patung berhala yang masih genggam fikiran orang Melayu. Biarlah Melayu menjadi Melayu dan bukan Arab. Biarlah Melayu menjadi Islam dan bukan menjadi alim saja. Biarlah Melayu berpakaian taqwa dan bukan boo kepala orang saja.

Walaupun demikian, cadangan dan kritikan beberapa perwakilan sungguh munasabah dan harus diberi perhatian oleh pimpinan parti. Pimpinan Umno mesti turun padang dan bergaul rapat dengan ahli parti pada peringkat bawah. Amalan ini sudah berkurangan sejak kebelakangan ini dan menyebabkan Umno hilang daratan dalam beberapa perkara. Satu contoh yang diberi ialah pilihan calon pilihan raya umum oleh pimpinan pusat tanpa menghiraukan nasihat cawangan dan bahagian yang menyebabkan kekalahan kepada Umno.

Macam mana tinggi pun pencapaian Umno atau pemimpinnya di medan dunia, Umno tetap menjadi parti akar umbi yang bergantung rapat kepada negeri, daerah dan kampung. Kuasa untuk melawan Madeleine Albright dan penyanggak mata wang semuanya datang daripada keluarga kita di kampung dan daerah. Inilah kekuatan Umno yang sebenarnya setakat ini dan ia harus diperkuatkan lagi.

Satu lagi teguran yang ditimbulkan ialah larangan terhadap berkempen. Seorang perwakilan juga berulang kali merujuk kepada Presiden dan Pengerusi Tetap sebagai yang menang tanpa bertanding. Ini menunjukkan Umno tidak senang dengan larangan berkempen atau usul tiada pertandingan untuk jawatan tertentu. Pimpinan parti harus peka akan teguran seperti ini kerana ia berasas dan diluahkan dengan ikhlas.

(END)